



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN CATAT KEJAYAAN BMS 2021 DAN TINGKAT BUDAYA MENABUNG SEMPENA HARI TABUNGAN SEDUNIA

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2021 telah berlangsung selama sebulan, bermula pada 1 Oktober 2021 sehingga 31 Oktober 2021 secara maya menerusi *platform* media sosial rasmi PTPTN. Bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia 2021 yang disambut setiap 31 Oktober, PTPTN telah mengadakan Majlis Penutup BMS 2021 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia secara dalam talian melalui *Facebook* PTPTN*Official* dan *Youtube* rasmi di PTPTN TV yang disempurnakan oleh Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN.
2. BMS merupakan satu program yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu program promosi dalam usaha menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk membuat penabungan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pelaksanaan program BMS 2021 kali ini, membawakan kelainan yang dilihat memberi impak yang positif kepada seluruh masyarakat Malaysia walaupun negara masih dilanda pandemik Covid-19. Ini jelas membuktikan bahawa PTPTN terus komited dan tidak pernah jemu mempromosi dan menghebahkan informasi mengenai Simpan SSPN untuk ibu bapa membudayakan perancangan kewangan demi pendidikan tinggi sekali gus memperkasakan lagi penabungan dalam kehidupan.
3. BMS 2021 dengan *tagline* “**Jom Jadi Superhero Anak Anda**” mengajak ibu bapa jadikan Simpan SSPN sebagai hadiah terindah dalam kehidupan anak-anak demi masa depan yang terjamin. Kekallah menjadi superhero sepanjang masa untuk anak-anak dengan membuat perancangan kewangan dari awal bagi memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang sempurna.

4. Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, “Sepanjang program BMS 2021 berlangsung, PTPTN mensasarkan sebanyak RM110 juta deposit. Sasaran ini telah pun dicapai. Bagi tempoh 1 Oktober hingga 30 Oktober, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah sebanyak RM155 juta atau 141% berbanding RM110 juta yang disasarkan. Ini merupakan satu kejayaan anda semua sebagai pendeposit Simpan SSPN di kala pandemik Covid-19 masih melanda negara. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pendeposit kerana anda berjaya menjadi *Superhero* anak anda”.

5. Hari Tabungan Sedunia atau World Savings Day diperkenalkan pada 31 Oktober 1924 yang diputuskan ketika Kongres Bank Simpanan Antarabangsa kali pertama di Milan, Itali. Hari Tabungan Sedunia disambut untuk menggalakkan tabungan dan menyemai minat menabung dalam kalangan orang ramai seluruh dunia. Ia kemudian diraikan untuk kali pertama pada tahun 1925, seterusnya dijadikan acara tahunan pada setiap 31 Oktober. Jika dilihat telah genap 96 tahun Hari Tabungan Sedunia ini disambut. Selaras dengan tema Hari Tabungan Sedunia tahun 2021 iaitu “***Hold on to your financial future***” jelas menunjukkan bahawa penabungan dan budaya jimat cermat merupakan elemen penting dalam menentukan dan menjamin masa depan setiap individu.

6. “Pada tahun ini, PTPTN telah mensasarkan jumlah deposit sebanyak RM1.8 bilion dengan 400,000 pembukaan akaun baharu. Rekod sehingga September 2021 menunjukkan pencapaian sebanyak 315,984 akaun baharu Simpan SSPN. Manakala deposit yang diterima bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM1.78 bilion”, ujar Ahmad Dasuki lagi.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

31 Oktober 2021